



## PENGAMATAN

*(Dari Mendengar kepada Tindakan)*

### Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil berkongsi secara ringkas perspektif "Kita", dengan memberi tumpuan kepada bagaimana mereka merasakan Roh Kudus menjemput mereka untuk memberi respons. Bersama-sama sebagai KED, kenal pasti satu "Langkah kepada Tindakan" yang mudah untuk membantu Sabda berakar dalam kehidupan harian. Sebagai contoh:

- Sebagai KED, menjadi lebih melihat ke luar dan mengenal pasti mereka yang mungkin Allah panggil kita untuk perhatikan, jemput atau temani.

### DOA UMAT

Fasilitator mengajak semua untuk menyuarakan intensi-intensi ringkas, contohnya:

- "Tuhan, bantulah kami membina jambatan melalui dialog, hormat, dan kasih, supaya perpaduan kami mencerminkan keharmonian Kerajaan-Mu."
- Tuhan, kuatkanlah kami apabila kami bergelut untuk menerima perbezaan, dan lembutkanlah hati kami apabila kami tergoda untuk menghakimi.

**Sahutan:** "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

### Doa Penutup:

- Doa Bapa Kami
- Doa Kemuliaan
- Tanda Damai



### Lagu Penutup:

#### Kita Satu Tubuh

1. Kita satu tubuh di dalam jemaat, walaupun berbeda tak 'kan terpecah. Di hadapan Tuhan semua sederajat, mewarisi masa depan yang cerah.

*Korus:*

*Yesus Tuhan adalah Pokok Anggur, kita semua adalah ranting-Nya. Satukan hati mengucap syukur, sandarkan hidup penuh pada-Nya.*

2. Satu pengharapan dan satu tujuan, satu dalam kasih dan satu iman. Mari majulah sama-sama berjuang memb'ritakan Injil amanat Tuhan.

# KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

*Umat Untuk Pemuridan Misionari*

**FOKUS BULANAN DAN RASIONAL:**

## MASYARAKAT: KESATUAN DALAM KEPELBAGAIAN

Masyarakat di Malaysia ditandai oleh perpaduan yang kaya dalam kepelbagaian, yang mana pelbagai budaya, bahasa, dan tradisi hidup bersama sebagai sebahagian daripada kehidupan kebangsaan dan gerejawi yang dikongsi. Dari sudut pastoral, kepelbagaian ini bukanlah satu cabaran yang perlu diurus, tetapi satu anugerah yang perlu dipupuk melalui usaha membina jambatan secara sengaja. Gereja dipanggil untuk memupuk dialog yang tulen, yang bergerak melampaui kewujudan bersama secara sopan kepada pertemuan yang sebenar, yang mana perbezaan tidak ditakuti tetapi diterima dengan hormat dan keterbukaan. Hal ini juga bermaksud mewujudkan peluang untuk bekerjasama dalam projek bersama yang memajukan kebaikan umum, khususnya dalam bidang seperti pendidikan, jangkauan sosial, penjagaan alam sekitar, dan sokongan kepada mereka yang rentan. Sama pentingnya ialah pembentukan ruang yang selamat dan inklusif, yang mana setiap budaya dihormati dan setiap suara didengar.



## MENEMUKAN

### Lagu Pembukaan

#### Kita Satu Dalam Roh

Kita satu dalam Roh,  
satu dalam Tuhan,  
Kita satu dalam Roh,  
satu dalam Tuhan,  
Dan bersyukur semua 'kan  
dijadikan baru

#### Korus:

***Saling kasih mengasihi sesama kita  
Orang lain kenal kita anak-Nya***

Kita jalan bersama, jalan serta Tuhan,  
Kita jalan bersama, jalan serta Tuhan,  
C'ritakanlah tentang kedatangan  
Almasih.

Kita kerja bersama, kerja bagi Tuhan  
Kita kerja bersama, kerja bagi Tuhan  
Menolong jiwa orang yang masih  
dalam gelap.

### Doa Pembukaan

*(Marilah kita menempatkan diri dalam hadirat  
Allah dan membuka hati kita kepada Roh-Nya.)*

Roh Kudus, yang membentuk kami menjadi  
satu Tubuh melalui Pembaptisan,  
satukanlah kami dalam kasih dan  
kebenaran.

Ajarilah kami untuk berjalan bersama  
dalam perpaduan, bukan mendahului orang  
lain atau terpisah daripada mereka.

Seperti yang diingatkan oleh Santo Paulus,  
kami terdiri daripada banyak anggota  
namun satu Tubuh dalam Kristus.

Bantulah kami menghormati kepelbagaian  
kurnia, budaya, dan suara yang Engkau  
berikan kepada kami.

Semoga kami mendengar dengan  
mendalam dan berjalan bersama dalam  
keharmonian sebagai satu umat Allah.

Amin.

### Laluan Pastoral

Perhimpunan KED kita bukanlah tentang  
mengatur program. Perhimpunan itu ialah  
Gereja dalam bentuk kecil, dengan wajah,  
nama, luka, kurnia, dan perbezaan.  
Perhimpunan itu adalah tentang kita.  
Namun, walaupun dalam kumpulan kecil,  
ketegangan boleh timbul: pertembungan  
personaliti, jurang generasi, perbezaan  
budaya, keletihan, dan salah faham. Tetapi  
marilah kita melihat perbezaan ini sebagai  
"ketegangan yang sihat." Santo Paulus  
mengingatkan kita bahawa tiada bahagian  
tubuh wujud untuk dirinya sendiri.  
Perpaduan sejati tidak memadamkan  
perbezaan, tetapi menebusny.

Gereja tidak takut kepada kepelbagaian;  
Gereja bergantung padanya dan  
berkembang melaluinya dengan kuasa Roh  
Kudus. Perpaduan tidak semestinya  
keseragaman. Perpaduan ialah persekutuan  
dalam Kristus, disatukan oleh Roh Kudus dan  
satu pembaptisan. Apabila kepelbagaian  
diterima, Gereja menjadi boleh dipercayai.

Dalam konteks paroki dan KED kita, ada yang  
menjadi pemimpin, ada yang melayani secara  
senyap; ada yang mengajar, ada yang melawat  
orang sakit; ada yang bersuara dengan berani,  
ada yang berdoa syafaat dalam diam. Santo  
Paulus mengingatkan kita bahawa tiada  
bahagian tubuh wujud untuk dirinya sendiri.  
Pertobatan dalam hubungan bermaksud  
belajar untuk mendengar sebelum  
menghakimi, memilih pendamaian ber-  
banding kebencian, dan melihat orang lain  
bukan sebagai halangan, tetapi sebagai  
anggota Tubuh yang sama. Janganlah kita  
membiarkan diri menjadi kelompok selesa  
yang hanya melihat ke dalam. Apabila  
hubungan dipulihkan dan perpaduan semakin  
mendalam, Roh Kudus secara semula jadi  
mengilhamkan kita untuk bergerak keluar,  
kepada jiran yang berasa dilupakan, kepada  
keluarga di pinggir, dan kepada mereka  
yang tidak lagi datang ke gereja.

## KITAB SUCI

### 1 Korintus 12: 12-13

Kerana sama seperti tubuh itu satu dan anggota-anggotanya banyak, dan segala  
anggota itu, sekalipun banyak, merupakan satu tubuh dan demikian pula Kristus.  
Sebab dalam satu Roh kita semua baik orang Yahudi, maupun orang Yunani, baik budak,  
maupun orang merdeka, telah dibaptis menjadi satu tubuh dan kita semua diberi  
minum dari satu Roh.

*Berhenti sejenak dalam keheningan doa untuk merenungkan teks Kitab Suci di atas dan  
soalan di bawah:*

- Adakah saya benar-benar mendengar dan menghargai kurnia orang lain, khususnya  
apabila mereka berfikir atau bertindak secara berbeza daripada saya?

## BERDIALOG

### *(Perbualan dalam Roh)*

*Bentuk kumpulan kecil seramai 4 hingga 6 orang. Luangkan satu minit keheningan  
antara setiap pusingan perkongsian.*

#### Pusingan 1 – Perspektif “Saya”

Semua dijemput untuk berkongsi sekali sahaja, selama kurang daripada dua minit.

*(Tiada komen terhadap perkongsian orang lain.)*

- Apakah tabiat atau sikap peribadi saya yang dipanggil untuk ubah, supaya saya dapat  
menghormati dan menerima kepelbagaian di sekeliling saya demi memupuk  
perpaduan?

*(Ucapkan terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian. Ambil satu minit keheningan.)*

#### Pusingan – Perspektif “Saya dan Anda”

Para peserta memberi respons kepada sesuatu yang mereka dengar daripada orang lain.

- Apakah yang menyentuh saya daripada perkongsian orang lain?
- Di manakah saya melihat pergumulan bersama atau harapan yang dikongsi?

*(Ambil satu minit keheningan.)*

#### Pusingan 3 – Perspektif “Kita”

Fasilitator menjemput kumpulan untuk menimbang rasa bersama.

Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada KED kita tentang perpaduan dalam  
kepelbagaian, dan bagaimana kita dapat menjadi pembina jambatan dalam komuniti kita?

*(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening  
sebelum orang seterusnya meneruskan)*